



UKK/600-01/05 (95)

SIARAN MEDIA

TABUNG BANTUAN SENI 2025

24 MAC 2025 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui **Balai Seni Negara** hari ini mengumumkan senarai **17 penerima Tabung Bantuan Seni (TBS) Bilangan 1 tahun 2025**, melibatkan pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti seni visual di peringkat tempatan serta antarabangsa.

TBS bertujuan memberi sokongan kepada penggiat seni tanah air dalam menjayakan program dan aktiviti berimpak tinggi yang mampu menyumbang secara signifikan kepada pembangunan landskap seni dan pengukuhan jaringan komuniti kreatif. TBS turut menjadi medium penting dalam memperkukuh ekosistem seni visual negara serta merancakkan keterlihatan seni Malaysia di pentas dunia.

Untuk makluman, sekretariat TBS telah menerima sebanyak 44 permohonan dan Panel Penilai TBS yang bersidang telah meluluskan 17 permohonan. Berikut ialah senarai penuh Penerima Tabung Bantuan Seni 2025:

- **Azman Bin Md Nor** (*TIGAZI Creative Resources*)
Pertandingan Plein Air, Bengkel dan Diskusi Warisan Seni Kg. Raja & Kuala Besut, Terengganu
- **Chan Lai Keen** (*Janiz Chan*)
Pameran Solo sempena Bulan Wanita Sedunia di Cebu, Filipina
- **Ivan Lam Wai Hoe**
Residensi Seni di International Studio & Curatorial Program, Brooklyn
- **Seet Boon Kiat** (*James Seet*)
The Wedge: The Australian Ceramics Triennale 2025
- **Mat Ramli Mansor**
Pameran Lakaran Potret Ekspresi Diri dan Puisi

- **Kasat Arca** (*Mohamad Kasat Bujang Narawi*)
Penghasilan Arca Manang Tetaw Dari Logam Terpakai di Kuala Tatau, Bintulu
- **Abu Zaki Hadri**
Program 2025 Asia International Art Exchange Exhibition Taiwan – “The Joy of Yunlin”
- **Fauzan Fuad**
Artis Residen Rimbun Dahan 2025
- **Muhammad Ariff Bin Ismail**
Penghasilan Sebuah Pintu Gerbang di Kampung Nour Imam & Kampung Seberang Jaya, Kuala Tatau, Bintulu
- **Kapallorek Artspace - En. Fadly Sabran & Heidhr Hamdan**
Asia Pacific Moving Image Festival di Busan, Korea (Exhibition & Forum)
- **Studio Ants Enterprise** (*Hashim Bin Man*)
Seni Bersama Komuniti “*Moh Menyeri Anjung Tanjung*”
- **Mohamad Hafiz Yahaya**
Program 1st International Art Exhibition and Seminar on Cross-Culture 2025, Jepun
- **Mohd Amir Lutfi Mohd Fitri**
Program Street Art ‘Spektrum Graffiti Jam’ di Kuching
- **Chamology Art Studio** (*Mohamad Hisham Bin Muhammad*)
Program Seni Graffiti ‘Meeting of Styles Germany 2025’
- **Amir Hamzah Al-Hafiz Bin Mohd Yunus**
Projek Art Toy: *Ribbit The Toy*
- **Mohamad Faizuan Bin Mat**
Projek Ko-Kreasi Seni “*ke-DIAM-an*”
- **Nooraznah Hanim Mohd Noor** (*Xeem Noor*)
Program Residen di Koganecho, Yokohama, Jepun

Inisiatif yang berterusan ini menjadi pemangkin kepada pembangunan seni yang inklusif, progresif dan mampan, selari dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab seni serantau. Ia juga bertujuan memastikan bakat tempatan terus diberi ruang, sokongan dan pengiktirafan sewajarnya untuk berkembang serta mengharumkan nama negara di peringkat global.

Balai Seni Negara mengucapkan tahniah kepada semua pemohon yang berjaya. Semoga program dan aktiviti yang dijalankan dapat memberi manfaat kepada semua pihak, serta memperkukuh jalinan seni dan masyarakat.

Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

Unit Komunikasi Korporat

BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my